

29/01/2002

Jangan biar pendatang Indonesia buat sesuka hati

Azhar Abu Samah; Khairul Anwar Rahmat

PENGALAMAN sebagai guru dan mendaki tangga untuk menduduki kerusi Ketua Pemuda Umno bahagian banyak mengajar Jalaluddin Alias, 38, berpolitik. Baginya, Pemuda Umno tidak perlu campur dalam soal perebutan pengaruh di bahagian atau peringkat perhubungan negeri. Ikuti temu bual beliau dengan Penulis Khas Berita Harian (BH), AZHAR ABU SAMAH dan KHAIRUL ANWAR RAHMAT yang menyentuh perkara ini.

BH: Sebagai golongan muda dalam parti, bagaimana saudara melihat pengaruh pembangkang ketika ini di bahagian Jelebu?

JALALUDDIN: Memang ada pengikut pembangkang kerana ia wujud di mana-mana. Di Jelebu, ia dikuasai sepenuhnya oleh Umno. Pembangkang tidak memberikan masalah langsung di sini kerana berdasarkan pencapaian lalu, kawasan ini dikuasai Umno kecuali satu ketika dulu pernah dikuasai DAP. Kini ia dalam pengaruh Umno sepenuhnya.

BH: Bagaimana dengan usaha meningkatkan jumlah ahli baru dan memperbanyakkan bilik gerakan sebagaimana yang diputuskan dalam perhimpunan Pemuda Umno tahun lalu?

JALALUDDIN: Kita sememangnya memberi tumpuan kepada usaha menambah ahli baru di Jelebu. Ketika ini kita ada 3,800 ahli dalam Pemuda Umno. Kita dapat meningkatkan keahlian kira-kira 60 peratus lagi.

BH: Sebagai pemimpin Pemuda, bagaimana saudara melihat ruang dan peluang yang diberikan oleh kepemimpinan Umno negeri kepada pemimpin pelapis?

JALALUDDIN: Pada saya, kepemimpinan Pemuda perlu diiktiraf kerana mereka boleh mencorakkan pemerintahan negara pada masa akan datang. Pemimpin yang ada perlu berfungsi menggilap pemimpin muda untuk memimpin. Peluang walaupun mula diberikan kepada pemimpin Pemuda, ia harus berterusan. Pengiktirafan kepada pemimpin Pemuda perlu dibuat, antaranya dalam majlis daerah, masyarakat dan pelbagai agensi kerajaan.

Di Negeri Sembilan, saya melihat Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Samad mengiktiraf pemimpin Pemuda kerana pada pilihan raya umum lalu, lima calon Pemuda diberikan peluang bertanding. Ini contoh yang perlu diikuti oleh pemimpin Umno lain.

BH: Bagaimana dengan pelaksanaan Program Masuk Kampung (PMK) di Negeri Sembilan?

JALALUDDIN: Kita merancang program PMK di negeri ini dengan membawa pemimpin Pemuda dari luar ke negeri ini supaya program Mesra Rakyat dapat diterapkan dari semasa ke semasa. Kita tidak mahu memperlihatkan pemimpin Pemuda disambut dengan protokol kerana tidak bersesuaian dengan keadaan politik sekarang. Pemimpin perlu mesra dengan rakyat, bukan saja pada peringkat Pemuda, malah dari yang teratas sekali.

BH: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini berkata, kerajaan mungkin melarang Pas daripada mengendalikan taman didikan kanak-kanak (tadika) jika ia terus mendidik kanak-kanak membenci pemimpin dan kerajaan, bukannya mengajar agama? Apa pandangan saudara mengenai perkara ini?

JALALUDDIN: Sepatutnya ia dibuat lebih awal. Pas menerapkan unsur membenci pemimpin sejak mereka kecil lagi, termasuk dalam soal parti dengan mengajar Umno tidak baik, Pas baik. Kita masih belum terlambat lagi kerana tadika boleh diletakkan terus di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) dan diselia khusus oleh Kementerian Pendidikan. Pendidikan perlu diberi dari peringkat bawah lagi, tetapi biarlah dengan cara betul.

BH: Ada pandangan bahawa tadika Kemas kurang memberi tekanan kepada soal

mendidik, sebaliknya lebih kepada unsur hiburan? Apa pandangan saudara?

JALALUDDIN: Soal ini boleh diperbaiki dengan meningkatkan kurikulumnya. Dalam hal ini Kementerian Pendidikan perlu memainkan fungsi menyelaraskan kurikulum untuk semua tadika. Barulah kita mendapat kurikulum bersepadu dan memenuhi kehendak ibu bapa.

Bagaimanapun, berbanding tadika dikuasai Pas, ia memberi tumpuan hanya soal keagamaan dan menerapkan unsur membenci pemimpin negara ketika mereka masih kecil lagi. Mereka inilah akan muncul sebagai penyokong kuat Pas apabila besar nanti.

BH: Di Pakistan pula, kita melihat Presiden Pervez Musharraf mengambil tindakan menutup madrasah yang bukan mengajar agama, sebaliknya mengajar penuntutnya memberontak menentang pemerintah?

JALALUDDIN: Bukan di Pakistan saja, nampaknya di kebanyakan negara Islam, madrasah digunakan untuk tujuan lain seperti mengajar cara-cara memberontak dan berperang bagi menukar kepemimpinan sesebuah negara. Di Arab Saudi, misalnya, kita melihat ramai pelajar dari Indonesia yang menuntut dan mengajar di sana dijadikan alat untuk menjayakan matlamat kelompok tertentu. Aliran itu mula dikesan di negara kita.

BH: Selepas rusuhan di Nilai, Negeri Sembilan, nampaknya rakyat Indonesia di negara ini bertindak membakar gerai di Dengkil, Sepang, Selangor selepas berbalah sesama sendiri. Tidakkah kehadiran mereka akan mengancam kesejahteraan negara ini?

JALALUDDIN: Pada saya kerajaan terlalu bertolak ansur dengan mereka. Terlalu banyak peluang diberikan kepada pekerja Indonesia dan pendatang haram hingga mereka seolah-olah berasakan berada di negara sendiri. Mereka berani berdemonstrasi di jalanan, bakar bangunan dan membunuh orang. Budaya di Indonesia dibawa ke sini. Golongan ini perlu diberikan pengajaran dan jangan terlalu bertolak ansur dengan mereka.

Jika mereka bersalah, terus ambil tindakan dan usir mereka. Kerajaan pula lebih teliti mengambil pekerja asing kerana jumlah mereka terlalu ramai. Percayalah, jika tidak dibendung, satu masa nanti akan mendatangkan masalah besar kepada negara.

BH: Ada cadangan sebelum ini supaya mana-mana pendatang tanpa izin yang ditahan tanpa mempunyai dokumen perjalanan di negara ini dikenakan tindakan sebat?

JALALUDDIN: Saya rasa tindakan sebat tidak sesuai dengan keadaan negara sekarang. Kita hantar balik mereka dan tidak perlu disimpan dalam kem tahanan. Apa yang saya nampak, tindakan penguatkuasaan pada peringkat Kementerian Dalam Negeri (KDN) perlu dikuatkan, terutama di pintu masuk negara ini. Saya yakin kita dapat mengatasi sedikit masalah sekarang.

BH: Kerajaan mendapati 72 peratus pesara menghabiskan simpanan dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dalam masa tiga tahun selepas bersara. Mungkin kerajaan perlu berbuat sesuatu untuk membantu mereka?

JALALUDDIN: Dari segi pengeluaran KWSP kita diberi dua pilihan, satu daripadanya mengambil keseluruhan simpanan kita. Sememangnya, 'durian runtuh' biasanya mudah dihabiskan dalam masa tiga tahun, apatah lagi kalau kita mempunyai pelbagai perancangan mengenai wang itu. Pemuda ingin mencadangkan kepada KWSP supaya membuat kajian bagi membolehkan pelaburan pesara dalam KWSP dapat dikembangkan. Ini bermakna, pelaburan itu tidak terputus apabila seseorang itu bersara.

BH: Sebagai pemimpin Pemuda Umno yang turut mengambil bahagian dalam kempen pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri kawasan Indera Kayangan, Perlis, bagaimana saudara menilai masa depan Parti Keadilan Nasional (Keadilan). Ada berasakan ia diambang kehancuran?

JALALUDDIN: Sejak dulu lagi saya melihat Keadilan tiada masa depan bukan kerana saya menyokong Umno. Dasar yang dibawa dan perjuangan yang dibawakan tidak jelas. Ia hanya memperjuangkan nasib orang tertentu

seperti Datuk Seri Anwar Ibrahim. Saya yakin masyarakat tidak boleh ditipu terus-terusan. Masyarakat mula nampak Keadilan tidak dapat memberi pulangan baik kepada rakyat.

Saya percaya mana-mana parti yang ditubuhkan atas dasar kecewa dan marah seperti Semangat 46 tidak akan bertahan lama. Penubuhan Keadilan bukan memberi kebaikan kepada parti itu sendiri, sebaliknya kepada pembangkang lain seperti Pas dan DAP untuk terus berkembang.

BH: Pemimpin Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat yang kecewa dengan kekalahan Keadilan di Indera Kayangan, mendakwa Malaysia seperti negara komunis kerana kerajaan tidak membenarkan penerbitan akhbar pembangkang dan larangan untuk berceramah politik. Bagaimana komen saudara?

JALALUDDIN: Saya mahu bertanya kepada Nik Aziz. Jika benar kita amalkan cara komunis kenapa dibenarkan pilihan raya atau berkempen pada pilihan raya? Umno memerintah dan pilihan raya masih diadakan. Jika komunis, mana ada pilihan raya. Hakikatnya, Mursyidul Am Pas ini kecewa dengan kekalahan pembangkang di Indera Kayangan dan menuduh kerajaan tidak adil, menggunakan media dan kemudahan kerajaan lain.

Mengapa Nik Aziz tidak menyebut Malaysia mengamalkan cara komunis, apabila Keadilan menang di Lunas? Saya rasa kekalahan yang begitu teruk di Indera Kayangan membuatkan beliau melatah. Beliau sebenarnya kecewa dan mahu menimbulkan perasaan tidak senang di kalangan masyarakat.

BH: Media arus perdana juga dituduh terbabit kerana terlalu memberikan tumpuan kepada berita mengenai keganasan dan Taliban di Afghanistan?

JALALUDDIN: Media ada etikanya sendiri, jadi kita tidak boleh kata media melaporkan berita tidak betul semata-mata demi kepentingan kerajaan. Saya fikir orang media tidak boleh sewenang-wenangnya melaporkan benda tidak betul. Mengenai keganasan, saya fikir ia terbukti di Lunas kerana begitu menonjol. Berapa banyak demonstrasi jalanan yang dilakukan pembangkang di Lunas. Selepas mempelajarinya di Lunas, Barisan Nasional cuba mengatasinya, namun ia tetap berlaku di Indera Kayangan. Kita lihat, pembangkang mengamalkan pendekatan 'ganas' sebagai instrumen baru untuk menumbangkan kerajaan.

BH: Malaysia nampaknya tidak bersetuju dengan kadar pembelian air mentah yang ditawarkan oleh Singapura. Bagaimana saudara melihat isu ini yang akan memberikan kesan kepada isu lain yang tertangguh di antara kedua-dua negara?

JALALUDDIN: Saya berpendapat, kadar yang diminta oleh Malaysia berpatutan dan seharusnya dipersetujui Singapura. Mereka perlu ada tolak ansur. Kita berharap Singapura tidak akan menjadikan soal air sebagai penghalang untuk menyelesaikan isu lain yang tertangguh. Kita mahu lihat kedua-dua negara dalam win-win situation.

BH: Kerajaan bercadang menempatkan kira-kira 40,000 penagih tegar dalam penjara dan tidak lagi di pusat serenti apabila akta berkaitan dadah dipinda. Mereka inilah menjadi dalang dalam rusuhan di pusat serenti di seluruh negara. Apa ulasan saudara mengenai langkah ini?

JALALUDDIN: Usaha itu sekadar pilihan untuk mengelakkan rusuhan di pusat serenti dan bukannya menyelesaikan masalah yang ada. Penagih harus dipulihkan dan menempatkan mereka di penjara tidak membantu memulihkan mereka. Penagih tegar ini boleh diasingkan di kawasan lain di pusat serenti dengan pendekatan berlainan berbanding penagih dadah lain. Jika mereka dipindahkan ke penjara, saya yakin ia tidak akan menyelesaikan masalah penagihan dadah di negara ini. Pemulihan tempatnya bukan di penjara.

BH: Sebelum menutup perbualan ini, mungkin ada perkara lain yang saudara mahu menyentuhnya?

JALALUDDIN: Saya melihat kekuatan parti pembangkang sebenarnya berpunca daripada perpecahan dalam Umno. Ada parti pembangkang yang wujud selepas

berpecah daripada Umno. Krisis kepemimpinan dalam Umno berterusan hingga sekarang. Jadi saya menyarankan kepada pemimpin Pemuda supaya tidak membabitkan diri dan tidak terbabit dengan krisis kepemimpinan yang berlaku. Kita perlu ada pegangan dan pandangan sendiri kerana kita adalah generasi yang bakal menjadi pelapis kepada pimpinan tertinggi, negeri, bahagian dan cawangan.

Kita mengiktiraf pemimpin pada peringkat bahagian dan Perhubungan Umno negeri serta Presiden kita pada peringkat nasional. Apabila ada hierarki kepemimpinan seperti ini, saya yakin Umno akan terus kuat, gandingan Pemuda sebagai sayap kanan akan terus menyerlah dan gabungan Wanita dan Puteri Umno boleh menyumbang sesuatu untuk kekuatan bangsa kita, khususnya, orang Melayu dalam mempertahankan hak agama, bangsa dan negara kita.